

Hubungan saya dengan Taib Mahmud sentiasa akrab — PM

KUCHING 21 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa hubungan antara beliau dan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Taib Mahmud sentiasa akrab.

Beliau berkata, segala prasangka mengenai hubungannya yang dikatakan tidak mesra dengan Tan Sri Taib adalah tidak berasas.

Semasa merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak di sini hari ini, beliau menjelaskan kenapa beliau jarang datang ke Sarawak terutama tahun ini.

Katanya tidak ada kena mengena dengan hubungannya yang dikatakan tidak baik dengan Tan Sri Taib, tetapi oleh beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan, beliau tidak berpeluang datang ke Kuching.

Sebuah majalah asing, *Fur Eastern Economic Review* baru - ba-

ruiniada melaporkan kononnya hubungan Datuk Sri Dr. Mahathir dan Tan Sri Taib adalah tegang dan menjejaskan juga hubungan kerajaan Sarawak dengan Kerajaan Pusat.

Semasa berucap di hadapan kira - kira 5,000 hadirin, Perdana Menteri memberikan sebab - sebab itu seperti beliau diserang sakit jantung awal tahun ini dan dinasihati doktor supaya berehat selepas menjalani pembedahan, menyempurnakan tugas negara dalam acara Hari Kebangsaan, per-

tabalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, Sukan SEA dan persiapan menghadapi Persidangan Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel di Kuala Lumpur bulan depan.

Perdana Menteri juga menyentuh soal pemerintahan di Sarawak, yang menurutnya, berjalan dengan baik.

Bagaimanapun malangnya ada pihak - pihak tertentu yang tidak senang hati dengan proses demokrasi dan cuba merebut kuasa melalui cara - cara yang haram di sisi undang -

undang, katanya.

Beliau berkata, dalam hal itu, Kerajaan Pusat tidak akan teragak - agak mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang cuba bertindak merebut kuasa di luar proses yang halal.

"Kerajaan Pusat tetap akan menyokong dan membantu kerajaan negeri pilihan rakyat daripada sebarang percubaan untuk melemahkannya. Kita ingin bersikap adil tetapi janganlah sesiapa menafsirkan sikap adil sebagai kelemahan," tambahnya.